



Sejarah Pemilikan dan Pewarisan Sarang Burung di Sabah: Tradisi dan Tribulasi

Rosdiana Onga

Pengenalan

Generasi perintis merupakan pencetus adat dan pembina budaya yang awal. Mereka berhijrah ke tempat tertentu untuk membentuk cara hidup mereka sendiri dan kemudiannya membentuk undang-undang, peraturan atau adat eksklusif. Keseluruhan amalan ini terus hidup seiring dengan pelbagai perubahan suasana dan tempat (Abdullah Alwi Hassan, 1997). Terdapat pelbagai adat pewarisan yang diamalkan di negara-negara Islam. Contohnya di Morocco, terdapat adat pewarisan yang mementingkan golongan lelaki daripada wanita untuk mempusakai harta (Othman Ishak, 1979), seperti yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah. Begitu juga di Sudan. Adat pewarisannya mengikut kabilah yang terdapat di negara tersebut, seperti kabilah Kababish dan Beja. Bagaimanapun, secara keseluruhannya adat yang diamalkan oleh kabilah-kabilah tersebut hanya memberikan hak mempusakai kepada golongan lelaki (Trimingham, 1949).

Adat dan Hak Etnik

Di India, penduduk Islam dikatakan terpengaruh dengan adat Hindu yang merupakan agama asal anutan mereka. Lantaran itu, citra adat pewarisan kehinduan bagi umat Islam di India kebanyakannya masih diamalkan. Terdapat pelbagai adat pewarisan yang berbeza sistemnya mengikut tempat adat itu diamalkan. Di Bombay, masyarakat Islam daripada kalangan orang Khoja mengamalkan adat pewarisan yang hanya memberikan hak perwarisan kepada golongan lelaki sehinggakan apabila seorang balu meninggal dunia, hartanya akan diwarisi oleh keluarga suaminya. Seseorang balu

hanya akan mendapat hak mempusakai harta warisan dalam keadaan apabila si mati tidak meninggalkan anak atau anak yang ditinggalkannya ialah anak perempuan yang telah berkahwin (Othman Ishak, 1979). Adat ini mengutamakan golongan lelaki kerana biarpun wanita berhak mempusakai harta, tetapi harta tersebut akan tetap kembali kepada keluarga suaminya apabila dia meninggal dunia.

Berbeza dengan adat pewarisan orang Moplah di utara Malabar. Mereka mengamalkan sistem bercorak matriaki: golongan wanita dijadikan sebagai pokok keturunan yang menggantikan lelaki. Kemungkinan adat ini jugalah yang mempengaruhi amalan warisan masyarakat Minangkabau di Indonesia. Mereka menetapkan anak sebagai kepunyaan oleh suku kaum ibu, bukannya bapa. Oleh itu, ada harta yang dipanggil sebagai harta suku. Hanya perempuan sahaja yang berhak ke atas harta tersebut. Menurut adat ini, pembahagian harta kepada ahli waris tidak berasaskan kepada peraturan-peraturan tertentu, tetapi secara lazimnya mengutamakan pihak yang paling kurang beruntung sama ada melalui persepakatan ahli waris atau melalui campur tangan ketua-ketua kepada ahli waris yang terlibat, sekiranya berlaku perselisihan (Othman Ishak, 1979). Di samping itu, terdapat adat pewarisan yang bercorak patriarki, namun adat tersebut sering dipintas untuk memberikan peluang kepada golongan wanita memperoleh harta melalui jalan pemberian atau hibah (Hooker, 1978).

Kedatangan masyarakat dari Sumatera ke beberapa tempat di Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya penyebaran pengaruh amalan adat pewarisan mereka ke negara ini. Hal tersebut dapat dilihat menerusi amalan adat Perpatih (bersifat matrilineal di Minangkabau) yang masih diamalkan di Negeri Sembilan sehingga kini. Adat berkenaan menetapkan pembahagian harta pusaka berdasarkan beberapa kategori harta, seperti harta dapatan, harta pembawa dan harta sebelah. Begitu juga dengan adat yang bercorak patrilineal. Adat ini dibawa melalui Palembang dan dikenali sebagai adat Temenggung (Othman Ishak, 1979). Adat Temenggung memberikan hak pewarisan kepada lelaki dan wanita, namun lebih mengutamakan waris lelaki (Abdullah Siddik, 1975).

Berdasarkan huraian ini, kajian terhadap amalan pembahagian harta pusaka di beberapa negara Islam masih memperlihatkan pengaruh adat lama yang dijadikan sebagai pegangan oleh sesetengah masyarakatnya. Hal yang sama berlaku dalam kalangan suku Idahan di Sabah. Perbincangan berkenaan amalan adat suku Idahan dalam pembahagian harta pusaka sarang burung memiliki keunikan tersendiri kerana bentuk harta pusaka ini sangat jarang dibincangkan sebelum ini.

Sejarah dan Identiti Etnik Idahan

Selain nama Idahan, antara nama julukan awalnya ialah Buludupis, Eraan atau Sabahan. Buludupis merujuk kepada gelaran bagi masyarakat yang kaya dengan hasil kutipan sarang burung. Mereka menetap di sepanjang lembah Sungai Kinabatangan dan mempunyai hubungan erat dengan masyarakat Sulu dari Kepulauan Sulu. Eraan pula dikatakan sangat berkait rapat dengan Buludupis. Mereka juga merupakan pemilik gua-gua yang kaya dengan sarang burung yang terletak di sekitar Teluk Darvel (Roth, 1964). Sebelum British menjajah Borneo Utara menerusi Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB), mereka sentiasa berhijrah dari satu penempatan ke penempatan yang lain (Piper, 1988).

Suku Sabahan mempunyai banyak persamaan dengan suku Eraan. Mereka menanam mayat di dalam gua sebagai salah satu cara untuk menyemadikan jenazah nenek moyang mereka (Roth, 1964). Gelaran Eraan dan Sabahan turut dikenali sebagai Lok Sabahan kerana ia merujuk kepada suku (atau etnik) Idahan yang dahulunya pernah tinggal di sekitar Sungai Sabahan menuju ke Teluk Darvel. Mereka merupakan warganegara Malaysia dan penduduk asal negeri Sabah (Piper, 1988). Owen Rutter (1929) pula menggolongkan mereka sebagai Dusun yang telah memeluk agama Islam. Aida Pryer (1989) meletakkan Idahan serumpun dengan suku Dusun dan menetap di pantai timur Sabah.

Kini, etnik Idahan dibahagikan kepada tiga subkelompok mengikut agama dan kawasan petempatan. Kelompok yang menetap di kawasan daerah Lahad Datu dikenali sebagai Idahan dan beragama Islam. Subkelompok yang menetap di hilir sungai Kinabatangan dan Teluk Sandakan dikenali sebagai Orang Sungai dan

beragama Islam. Kelompok yang menetap di sekitar Sungai Segama dikenali sebagai Begahak dan kebanyakannya bukan beragama Islam. Walaupun gelaran bagi subkelompok tersebut berbeza, namun bahasa pertuturan yang digunakan adalah sama (Piper, 1988).

Suku Idahan terkenal sebagai penduduk puterabumi terawal yang memeluk Islam di pantai timur Sabah. Mereka telah menerima ajaran Islam sekitar abad ke-14 melalui pendakwah yang dikenali sebagai Awliyah Karimul Makhdum. Beliau dipercayai merupakan antara pendakwah awal yang menyebarkan Islam di Kepulauan Sulu pada pertengahan abad ke 14 (Muhiddin, 1990). Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Idahan mengamalkan kepercayaan animisme yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Kepercayaan ini mempunyai hubungan rapat dengan alam dan unsur-unsur yang berkait dengan entiti ghaib, kejadian luar biasa, pantang larang dan sebagainya. Umpamanya, kepercayaan terhadap semangat roh leluhur dan jin yang mendiami gua-gua warisan di sekitar Teluk Darvel. Setiap kali musim menuai sarang burung bermula, mereka perlu bermimpi untuk bertemu dengan jin yang mendiami gua sarang burung. Tujuannya, meminta keizinan untuk menuai sarang burung (Piper, 1988). Penghormatan terhadap roh nenek moyang lazimnya ditunjukkan dengan pemberian sajian makanan yang terdiri daripada nasi kunyit, ayam putih, pasu tembikar dan kambing (Mohamed Yusoff Ismail, 1997). Gua-gua ini juga merupakan warisan dan tempat pengebumian nenek moyang suku Idahan.

Dalam perkembangan berkaitan, tiga bahan prasejarah yang diukir di atas kayu belian dengan motif manusia, dianggarkan berusia 700 tahun ditemui di Hagopbilo, gua Baturung (Harrison & Harrison, 1971). Ia dipercayai merupakan simbol keagamaan yang menjadi salah satu daripada warisan kepercayaan arkaik masyarakat Idahan Bellwood (1984). Berlunaskan kajian arkeologi, Bellwood (1984) telah menggunakan kaedah pentarikan radiokarbon untuk menganggarkan bahan prasejarah tersebut. Ia berusia sekitar awal 900 tahun dahulu. Unsur tahyulisme pra-Islam yang berakar umbi sekian lama dalam kehidupan masyarakat Idahan ini menunjukkan suku Idahan sememangnya mempunyai potret masa lampau yang unik. Sehingga kini, mereka amat menitikberatkan pantang larang tertentu, terutamanya apabila berada di dalam gua-gua warisan. Meskipun begitu, kedatangan Islam telah banyak menghakis

kepercayaan dan amalan animisme suku Idahan. Malah, selepas kedatangan Islam amalan pengebumian di dalam gua telah ditinggalkan secara kontinuitif (Harrison & Harrison, 1971; Bellwood, 1988).

Pemilikan dan Pewarisan

Kisah penemuan gua-gua yang diwarisi oleh etnik Idahan terpaten dalam manuskrip klasik yang menceritakan tentang legenda nenek moyang Idahan bernama Apoi. Legenda tersebut bermula apabila Apoi dan anjing peliharaannya iaitu Siud Rapat telah menjelajahi hutan belantara untuk memburu seekor rusa emas. Ketika sedang memburu rusa tersebut, mereka telah melalui Gua Gomantong, Gua Batu Timbang, Gua Madai, Gua Baturong, Gua Tapadong dan Gua Segarong. Bagaimanapun, ketika sampai di Gua Madai, rusa tersebut telah mengatakan mereka bertiga merupakan saudara kandung dan ia merayu agar Apoi tidak membunuhnya. Rusa emas itu menegaskan semua gua yang telah mereka lalui akan menjadi milik Apoi dan keturunannya (Harrison & Harrison, 1971; Aeria, 1999).

Naratif P. Orolfo (1961) pula mengisahkan orang yang memburu rusa emas tersebut ialah Gomorid Rimau dan Siud Rapad. Sewaktu mereka berburu, Siud Rapat telah menyuruh Gomorid Rimau untuk mengingati semua gua yang mereka lalui (Gua Madai, Gua Baturong, Gua Segarong dan Gua Tapadong) kerana di tempat-tempat itulah beliau dan keturunannya akan memperoleh kekayaan. Orang Idahan dipercayai mewarisi gua-gua yang telah menjadi hak milik mereka daripada nenek moyang yang mula-mula menjumpai gua-gua tersebut. Perkara ini berlanjutan sehinggalah bermulanya perdagangan sarang burung antara masyarakat Idahan dengan pedagang dari Kepulauan Sulu.

Sebelum bermulanya aktiviti menuai sarang burung untuk tujuan perdagangan, penggunaan serta nilai sarang burung yang terdapat di gua-gua milik etnik Idahan tidak diketahui dengan jelas. Pada mulanya, sarang burung dikutip untuk dijadikan sebagai makanan babi (Orolfo, 1961). Perdagangan sarang burung bermula berikutan pelayaran tiga bersaudara etnik Idahan ke Kepulauan Sulu, dengan membawa sarang burung putih, dua tanduk badak, sepasang gading gajah, seguni garuh, segulung rotan

dan damar putih serta damar hitam. Melalui Sultan Sulu, barang-barang dagangan yang dibawa ini telah dipastikan mempunyai nilai yang tinggi untuk dijual kepada pedagang dari China. Pada saat itulah, bermulanya hubungan perdagangan antara etnik Idahan dengan pedagang dari Kepulauan Sulu (Piper, 1988).

Sarang burung menjadi barang dagangan yang sangat berharga bagi saudagar China ketika zaman Dinasti Ming, sekitar 1360-1644 (Mohamed Yusoff Ismail, 2022). Hubungan perdagangan antara China dan Sulu dikatakan bermula sekitar atau sebelum abad ke-15 Masihi. Laksamana Cheng Ho (Cina Muslim) pernah datang ke Filipina dan Sulu sekitar tahun 1405. Peristiwa ini memberikan petanda bermulanya perdagangan sarang burung tiga penjuru antara China, Sulu dan Idahan. Etnik Idahan sendiri meletakkan tarikh bermulanya perdagangan sarang burung dengan Sulu pada tahun 1408 iaitu sebaik sahaja mereka menerima ajaran Islam (Harrisson & Harrisson, 1971).

Ketika Kesultanan Sulu telah sampai ke kemuncaknya pada akhir abad ke-18, sarang burung merupakan salah satu daripada barang dagangan terpenting antara Kesultanan Sulu dengan saudagar China. Sumber ekonomi yang terdapat di pantai timur Borneo telah menarik minat Kesultanan Sulu untuk menjalin hubungan perdagangan dengan penduduknya. Melalui rangkaian perdagangan antara Sulu dengan masyarakat Idahan, Kesultanan Sulu telah mendapatkan bekalan sarang burung dan barang dagangan yang lain (Warren, 1981) .

Kegiatan perdagangan antara etnik Idahan dengan Sulu telah memberikan impak yang besar terhadap perkembangan budaya dan pertumbuhan ekonomi etnik Idahan apatah lagi setelah mereka memeluk agama Islam (Piper, 1988). Selain jaringan perdagangan Sulu-Idahan, mereka turut menjalin ikatan perkahwinan antara jelitawan Idahan dengan bangsawan Kesultanan Sulu. Generasi ini melahirkan golongan Datu (Holly, 1955). Perkahwinan dengan masyarakat Idahan di Sabah (Borneo Utara) dewasa itu turut mendayaupayakan bangsawan Sulu untuk melestarikan pengaruh mereka terhadap perdagangan eksotik sarang burung (Warren, 1981).

Sarang burung merupakan antara bahan dagangan yang sangat bernilai tinggi dalam perubatan klasik Cina kerana khasiatnya dapat menyembuhkan masalah paru-paru,

seperti penyakit asma, menyingkirkan toksin dalam badan dan melancarkan sistem penghadaman (Tan Bee Hong, 1995). Nilai komersialnya bergantung kepada jenis sarang burung dan kualitasnya. Terdapat dua jenis sarang burung layang-layang di gua-gua warisan etnik Idahan. Pertama, sarang burung putih yang dihasilkan oleh spesis burung layang-layang *collocalia vestita*. Ia sangat berkualiti tinggi dan bernilai tinggi. Kedua, sarang burung hitam yang dihasilkan oleh burung layang-layang *collocalia maxima* (Tan Bee Hong, 1995)). Kebanyakan sarang burung tersebut dijual kepada saudagar Cina di daerah Lahad Datu dan Sandakan untuk dieksport ke Hong Kong (Piper, 1988).



Gambar 1: Sarang burung putih dihasilkan spesis burung layang-layang *collocalia vestita*.



Gambar 2: Sarang burung hitam dihasilkan burung layang-layang *collocalia maxima*.

Pusaka dan Perwarisan

Pembahagian harta pusaka sarang burung telah diwarisi etnik Idahan secara turun temurun daripada nenek moyang mereka. Setelah perdagangan sarang burung bermula, aktiviti menuai sarang burung untuk tujuan perdagangan menjadi salah satu punca ekonomi yang amat menguntungkan masyarakat Idahan. Pada awalnya, hanya sedikit sahaja orang Idahan yang berkecimpung dalam bidang ini. Namun, ketika nilai perdagangan sarang burung semakin memuncak dan tersebar luas dalam kalangan masyarakat Idahan, sementara agihan pusaka sarang burung pula menjadi semakin eksklusif, justeru beberapa sistem baharu telah diperkenalkan untuk memastikan kelestarian hak dan perdagangan sarang burung terus diwarisi suku Idahan.

Perkara terpenting yang menjadi akar umbi kelestarian adat etnik Idahan dalam konteks pengagihan pusaka sarang burung ialah sistem perwarisan yang berdasarkan hak eksklusif keturunan. Sistem ini sangat jelas dan tegas. Oleh itu, apabila seseorang mendakwa dia merupakan pewaris pusaka sarang burung, maka dia harus membuktikannya melalui silsilah (jurai keturunan). Jika individu berkenaan berjaya membuktikannya, dengan serta merta dia berhak mendapat bahagian pusaka sarang burung daripada lot gua-gua sarang burung.

Berdasarkan kajian Harrisson dan Harisson (1971), silsilah etnik Idahan yang terawal bersusurgalurkan Apoi, menurut legenda Idahan sendiri. Menerusi temu bual penulis dengan Onga bin Langadai: responden ini menerangkan sejak zaman nenek moyang Idahan yang bernama Abau,¹ semua lot gua² yang terdapat di dalam gua-gua warisan etnik Idahan telah disempadankan dan dinamakan pemiliknya yang sah. Setiap lot gua telah diagihkan kepada seluruh etnik Idahan daripada keturunan Apoi. Oleh sebab keturunan Apoi sangat terhad, justeru terdapat individu yang memiliki lebih daripada satu lot gua. Pengagihan lot gua tersebut dibuat untuk mempermudah pengagihan keuntungan hasil daripada perdagangan sarang burung kepada setiap pewaris yang

¹ Abau adalah generasi ketiga selepas Apoi dalam carta silsilah keturunan Idahan. Harisson & Harisson (1971).

² Lot gua bermaksud kawasan yang mengandungi sarang burung yang sempadannya telah ditentukan dan mempunyai hak milik.

terlibat. Ini merupakan idea genius nenek moyang Idahan. Berikut merupakan perkara yang diambil kira dan termasuk dalam adat pembahagian pusaka sarang burung yang telah diamalkan oleh etnik Idahan:

Kelestarian Tradisi

Tradisi menuai sarang burung telah ditetapkan sebanyak dua kali setiap tahun. Musim pertama dipanggil *papas* yang bermula pada Mac sehingga Jun, sementara musim kedua dipanggil *penangoh* yang bermula pada September sehingga November (Moody & Moody, 1990). Penetapan musim menuai ini dilakukan untuk memelihara kelestarian burung layang-layang yang terdapat di dalam gua-gua warisan agar tidak mengalami ancaman kepupusan. Walaupun masyarakat Idahan telah lama menjalankan aktiviti penuaian sarang burung, namun bekalan sarang burung tetap kekal sehingga ke hari ini (Mohamed Yusoff Ismail, 1997).

Apabila tiba musim menuai, setiap keluarga yang terlibat akan berkumpul di dalam gua-gua berkenaan dan berbincang dengan ahli keluarga masing-masing mengenai hal-hal yang berkaitan penuaian sarang burung. Persepakatan yang diperoleh dalam wacana tersebut dianggap sebagai lambang permuafakatan sekeluarga. Orang yang paling arif mengenai jurai perwarisan dalam lot gua berkenaan akan dilantik sebagai ketua menuai. Dia akan bertanggung jawab sepenuhnya terhadap sebarang masalah yang timbul sepanjang proses penuaian dan pengagihan sarang burung (Temu bual dengan Onga Langadai, 2005).

Hak Eksklusif

Adat pewarisan ini telah diamalkan dan dilaksanakan oleh etnik Idahan secara berperingkat mengikut keadaan semasa. Pada dasarnya, pewaris yang berhak mewarisi pusaka sarang burung di dalam gua-gua itu merupakan seseorang yang lahir daripada dua bentuk perkahwinan:

- (a) *Perikit*: Seorang lelaki atau wanita yang berkahwin dengan seorang pewaris yang lain.

- (b) *Memikit*: Seorang lelaki atau wanita pewaris yang berkahwin dengan seorang lelaki atau wanita yang bukan daripada keturunan pewaris.


Ini merupakan satu lagi idea genius nenek moyang Idahan. Dalam konteks bentuk perkahwinan pertama, ia membolehkan anak mereka yang lahir menjadi pewaris untuk menggantikan ibu atau bapanya yang merupakan pewaris. Kaedah pewarisan ini memakai sistem ambilineal³ yang membolehkan seseorang itu menggalurkan keturunannya melalui darah keturunan ibu atau bapanya, sebagai pewaris harta pusaka sarang burung (Mohamed Yusoff Ismail, 1987). Kecenderungan untuk memilih pasangan dalam kalangan ahli keluarga sebelah ibu atau bapa mereka sendiri atau dalam kalangan keluarga pewaris itu sendiri telah mengekalkan kesinambungan dan keharmonian tatacara perwarisan ini.

Antropologis Robin Fox berpendapat bentuk perkahwinan ini dapat mengelakkan pertindanan pusaka sarang burung yang terlalu ruwet. Ibu bapa seorang lelaki mungkin datang daripada kelompok yang sama atau sekurang-kurangnya datuk neneknya berasal daripada kelompok yang sama (Fox, 1985). Dengan itu, kelompok ini menghasilkan kelompok keturunan yang berasaskan keturunan daripada sebelah nenek moyang yang sama sekali gus dia akan menjadi ahli kepada beberapa lot gua. Pertindanan ini juga tidak terhad kepada satu keturunan sahaja kerana semua yang lahir akan menjadi ahli bagi semua keturunan daripada nenek moyang pengasas. Kaedah perwarisan ini berbeza dengan kaedah perwarisan sistem senasab yang berdasarkan prinsip sepihak (*unilineal system*) sama ada melalui nasab ibu atau nasab bapa sahaja.

³ Sistem ambilineal bermaksud seseorang boleh menggalurkan keturunan melalui garis lelaki dan perempuan. Ia juga disebut sebagai *non-unilineal descent* iaitu suatu istilah yang digunakan oleh ahli antropologi yang merujuk kepada sistem keturunan yang tidak bertindak secara eksklusif berdasarkan prinsip satu pihak (*unilineal system*), seperti sistem matrilineal, patrilineal atau unilineal berganda. K.A. Keesing pula mencadangkan supaya ia disebut dengan istilah keturunan kognatik (*cognatic descent*) iaitu merujuk kepada sistem yang membolehkan seseorang menggalurkan keturunannya melalui garis lelaki dan perempuan secara sama rata. Manakala penulis yang lain pula menggunakan istilah tersebut sebagai istilah yang merujuk kepada sistem bilateral berganda atau bilineal. (Smith, 1986).

Apabila diperhalusi, bentuk perkahwinan yang unik ini menjadikan harta pusaka sarang burung dikuasai dan berkisar dalam kalangan masyarakat Idahan sahaja. Jelas, adat ini telah menetapkan perwarisan berdasarkan silsilah (jurai keturunan), tanpa mengambil kira ikatan perkahwinan. Amalan ini tentunya tidak menimbulkan masalah kritikal kerana setiap pasangan lelaki dan perempuan merupakan pewaris yang lahir daripada keturunan nenek moyang yang sama dan mendapat bahagian harta pusaka sarang burung mengikut kelompok masing-masing. Seterusnya, sementelahan bentuk perkahwinan kedua (*memikit*) berlaku, maka anak kepada pasangan yang berkahwin akan mendapat bahagian melalui salah satu daripada ibu atau bapanya, sebagai pewaris sarang burung. Bagaimanapun, pasangan si mati (pewaris) tidak berhak untuk mewarisi bahagian si mati. Justeru, adat pewarisan pusaka sarang burung dalam suku Idahan secara jelas hanya sah diperturunkan berlunaskan silsilah sahaja.


Amalan eksklusif yang amat ditekankan dalam adat pembahagian warisan sarang burung ialah anak si pewaris tidak berhak mengambil bahagian (*tudta'*) ibu atau bapanya yang masih hidup. Seandainya si pewaris sudah terlalu tua atau uzur, maka si anak hanya boleh menguruskan bahagian ibu atau bapanya sahaja. Apabila berlaku kematian, anak kepada si mati akan mewarisi pusaka sarang burung secara sama rata (Temu bual dengan Onga Langadai, 2005). Pewarisan tersebut tidak mengira sama ada si mati adalah lelaki atau wanita (Piper, 1988). Jelas, sekiranya si mati meninggalkan tiga orang anak, warisan yang diterima akan dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut jumlah anak.



Rajah 1: Kaedah pewarisan dan pengagihan pusaka sarang burung kepada ahli waris.

Pembahagian tersebut berbeza bagi suami yang berpoligami: sekiranya si suami mati dengan meninggalkan anak (atau anak-anak) hasil daripada perkongsian hidup dengan lebih daripada seorang isteri, ia dikira berdasarkan jumlah isteri yang mempunyai anak dan dibahagikan secara sama rata (Piper, 1988). Sebagai contoh, sekiranya beliau mempunyai tiga orang isteri, maka bahagian yang diwarisi akan dibahagikan kepada tiga bahagian, mengikut jumlah isteri yang masing-masing mempunyai anak, hasil daripada perkongsian hidup mereka dengan si mati (suami). Setelah itu, setiap bahagian tersebut akan diagihkan dengan berlunaskan jumlah anak tanpa mengira sama ada anak bersama isteri pertama berjumlah dua orang atau lebih. Begitu juga dengan anak (atau anak-anak) kepada isteri si mati yang lain.

Adat unik ini dilaksanakan atas kepercayaan bahawa hasil pendapatan seorang bapa perlu dibahagikan mengikut jumlah isterinya (Onga Langadai, 2005). Seandainya seorang daripada isteri si mati tidak mempunyai anak, maka si isteri tidak berhak mendapat bahagian suaminya kerana harta tersebut hanya boleh diwarisi berdasarkan keturunan sahaja – sekali lagi, bukannya melalui perkahwinan (Piper, 1988).




Rajah 2: Kaedah pewarisan dan pengagihan kepada anak daripada isteri-isteri.

Andai si mati yang tidak mempunyai anak (*puncho*), bahagian beliau akan dibahagikan kepada saudara terdekat⁴ yang bersama-sama mewarisi sesebuah lot gua

⁴ Saudara yang dimaksudkan ialah (i)adik, abang atau kakak (ii)adik atau abang atau kakak isteri atau suami jika sekiranya anak masih kecil dan isteri atau suami telah meninggal dunia (iii)ibu atau bapa atau nenek moyang atau keturunan sezuriat.

dengan si mati (Piper, 1988). Sebagai contoh, apabila seorang pewaris daripada tiga orang adik beradik mati tanpa meninggalkan anak, maka pembahagian untuk ketiga-tiga saudara tersebut akan menjadi dua bahagian. Ini bermakna, adik beradik si mati atau waris mereka akan memperoleh bahagian si mati secara sama rata.

Jika si mati ialah seorang wanita dan meninggalkan anak hasil daripada perkongsian hidupnya dengan lebih daripada seorang suami, anak-anaknya yang berlainan bapa akan mewarisi harta ibu mereka secara sama rata. Rasionalnya, ibulah yang melahirkan anak-anaknya sendiri dan justeru kerana itu, mereka berhak mendapat hak sama rata dalam segala hal, termasuklah perwarisan harta (Temu bual dengan Onga Langadai, 2005).




Rajah 3: Kaedah pewarisan anak berlainan bapa

Penggiliran Anjal

Setelah generasi Idahan kian berkembang, ini menyebabkan proses pembahagiannya menjadi semakin rumit. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana jumlah keluarga setiap generasi semakin berkembang. Natiujahnya, pembahagian hasil sarang burung bagi setiap lot gua menjadi semakin mengecil (Mohamed Yusoff Ismail, 1985). Oleh itu, kaedah penggilirkan khas diperkenalkan untuk memberikan peluang kepada setiap

pewaris bagi menikmati hasil yang saksama. Di sini, muncul satu lagi idea genius suku Idahan. Kaedah penggiliran ini merupakan hasil permuafakatan nenek moyang Idahan. Mereka telah menetapkan sistem penggiliran menuai sarang burung mengikut tahun bagi setiap keluarga yang sama-sama mewarisi sesebuah lot gua, berdasarkan jurai keturunan dan pertalian mereka dengan nenek moyang daripada setiap keluarga (*seruwok inni*) (Temu bual dengan Onga Langadai, 2005).

Sebagai contohnya, bagi sesebuah lot gua yang diwarisi oleh lima orang nenek moyang, ahli waris bagi anak kepada setiap nenek moyang tersebut akan menuai sarang burung mengikut penggiliran tahun masing-masing. Dengan itu, setiap ahli waris akan menunggu giliran mereka sehingga lima tahun untuk menuai sarang burung berdasarkan kitaran nenek moyang mereka.



Rajah 4: Kaedah penggiliran menuai sarang burung.

Apabila tiba giliran menuai bagi nenek moyang pertama, waris kepada nenek moyang tersebut akan menuai sarang burung dan diagihkan mengikut jumlah ahli waris yang terlibat, berlunaskan adat itu sendiri (Temu bual dengan Onga Langadai, 2005). Sebagai contohnya, jika anak kepada nenek moyang pertama seramai dua orang, maka waris kepada anak nenek moyang pertama akan menuai sarang burung dan

dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mengikut jumlah anak kepada nenek moyang. Setelah itu, setiap bahagian tersebut akan diagihkan mengikut jumlah ahli waris kepada setiap anak nenek moyang terbabit. Apabila tiba giliran bagi nenek moyang berikutnya, maka waris kepada nenek moyang tersebut akan mengambil bahagian menuai sarang burung, seperti giliran waris sebelumnya. Dengan ini, jelas penggiliran tahun menuai sarang burung bagi sebuah lot gua bergantung kepada jumlah nenek moyang yang mewarisi lot gua dan pengagihannya adalah dengan berdasarkan jumlah ahli waris yang terlibat. Kaedah ini menjadikan setiap keluarga yang mewarisi lot gua berpeluang untuk menikmati hasil pusaka sarang burung (Mohamed Yusoff Ismail, 1985).

Keabsahan dan Kesenambungan

Zaman penjajahan bermula ketika Sabah dengan rasminya diperintah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (1881-1941). Pada 22 Januari 1878, Baron Von Overbeck telah memperoleh konsesi Borneo Utara daripada Kesultanan Sulu dengan kadar sewaan sejumlah 5, 000 setahun (Tregoning, 1958). Beliau telah melantik W.B. Pryer untuk membangunkan Sandakan yang dilihatnya mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Pada 11 Februari 1878, Pryer telah mula berkuasa di Sandakan dan tindakan pertama yang dilakukannya ialah mengenakan duti ke atas semua jenis perdagangan. Selain itu, beliau telah meluaskan kuasanya sehingga ke kawasan Kinabatangan memandangkan kawasan tersebut merupakan sumber utama pengeluaran hasil hutan di Sandakan dan antara sumber terpentingnya ialah sarang burung di Gua Gomantong (Buyong, 1981).

Pada tahun 1881, piagam telah diserahkan oleh kerajaan kolonial British kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) untuk mentadbiruruskan Borneo Utara sebagai wilayah naungan empayar British. Piagam tersebut menegaskan SBBUB tidak boleh mencampuri sama sekali hal ehwal agama dan adat istiadat bumiputera (Buyong, 1981). Justeru, beberapa peraturan dan undang-undang yang membabitkan cukai barang dagangan serta duti kastam yang perlu dibayar kepada pihak berkuasa telah diguballaksanakan. Perdagangan sarang burung yang ketika itu merupakan antara barang dagangan terpenting turut dikenakan cukai royalti sebanyak

10 peratus (Tregonning, 1958). Pemungutan cukai tersebut pada asalnya hanyalah dikenakan ke atas sarang burung yang dituai dari gua-gua yang terletak di Teluk Kinabatangan sahaja. Hasil pendapatan yang tinggi menerusi penuaian sarang burung dan pungutan cukai eksport sarang burung telah menyebabkan SBBUB mengenal pasti potensi percukaian yang melibatkan gua-gua sarang burung lain di kawasan Teluk Darvel.

Pada tahun 1884, pihak SBBUB meninjau gua Madai dan gua-gua lain⁵ yang diwarisi oleh etnik Idahan untuk menyelidiki hasil penuaian sarang burung yang turut dikenakan pungutan cukai 10 peratus (*British Herald North Borneo*, 1 Oktober 1884). Apabila rundingan dilakukan, satu perjanjian bertulis mengenainya telah dimeterai antara wakil etnik Idahan dengan pihak pentadbir kolonial (*British Herald Chartered Company Papers*, 27 Januari 1884). Sungguhpun begitu, hak pemilikan terhadap gua-gua yang diwarisi oleh etnik Idahan tetap dihormati. K.G. Tregonning (1958) dalam hal tersebut menyatakan: “*Their collection was placed on an organized footing, with increased profits going to all concerned, and native rights of ownership carefully respected.*”

Sepanjang tempoh 60 tahun memerintah Borneo Utara, pihak SBBUB telah menjejaki gua-gua sarang burung yang terletak di seluruh kawasan pantai timur dan barat serta pulau-pulau di sekelilingnya (Tregonning, 1958). Mengikut temu bual penulis bersama Datu Sibi bin Agaseh, pada zaman itu, aktiviti menuai sarang burung dibenarkan dan diteruskan. Malah, beberapa peraturan telah dibuat oleh pihak SBBUB tanpa mengganggu adat dan hak eksklusif suku Idahan.

Peraturan terawal yang dibuat ialah melibatkan pendaftaran nama pewaris sarang burung di gua-gua yang diiktiraf oleh pemerintah sebagai hak milik etnik Idahan. Ia telah dibuat menerusi Proklamasi Sarang Burung bernombor 22 tahun 1901. Pendaftaran tersebut termaktub dalam “Buku Daftar Sarang Burung Teluk Darvel” yang diletakkan di Pejabat Residen Pantai Timur dan mempunyai satu salinan sah yang diletakkan di ibu pejabat pentadbiran SBBUB di Sandakan. Proklamasi ini mengandungi beberapa peraturan mengenai pendaftaran nama waris dan rujukan kes

⁵ Gua-gua yang terlibat ialah gua Madai, Baturong, Tapadong dan Segarong.

pertikaian yang harus dibawa ke Mahkamah Campuran. Proses mengumpul nama pewaris telah dibuat merangkumi semua kawasan petempatan etnik Idahan oleh ketua etnik Idahan dan Ketua-ketua Kampung yang dilantik oleh SBBUB.

Penguasaan hasil kutipan sarang burung dan pemungutan cukai telah mendorong pihak SBBUB untuk membuat undang-undang khas berkaitan sarang burung yang terdapat di Borneo Utara. Proklamasi 23/1901 merupakan undang-undang pertama yang dibuat oleh SBBUB iaitu mengenai sarang burung di gua-gua milik SBBUB. Pada tahun 1913, satu proklamasi telah dibuat yang menggabungkan proklamasi 22/1901 dan 23/1901 menjadi suatu bentuk undang-undang sarang burung yang lebih mujmal. Pada tahun 1914, proklamasi ini telah dipinda dengan beberapa peruntukan baharu, terutamanya berkait dengan pemasukan senarai gua-gua milik kerajaan dan milik individu serta reformasi dalam susunan undang-undangnya. Pada tahun 1914, Ordinan Sarang Burung telah diluluskan untuk mengawal aktiviti pengumpulan dan penjualan sarang burung di seluruh gua yang terdapat di Borneo Utara.

Mengenai peraturan yang melibatkan gua-gua milik etnik Idahan, Seksyen 9 Ordinan memperuntukkan peraturan khas yang mengandungi daftar ahli waris bagi pewaris yang telah meninggal dunia, seperti dicatatkan dalam “Buku Daftar Sarang Burung Teluk Darvel”.⁶ Dengan adanya peraturan ini, pewaris bagi setiap lot gua dapat dikenal pasti. Begitu juga dengan giliran bagi tahun menuai sarang burung oleh setiap pewaris. Ini menunjukkan pengiktirafan SBBUB terhadap adat dan hak eksklusif suku Idahan terhadap perwarisan sarang burung.

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, didapati adat pengagihan yang diamalkan oleh etnik Idahan hanya boleh diperturunkan kepada pewarisnya sahaja yang melibatkan anak atau saudara terdekat si pewaris. Perkara ini dijelaskan dalam Ordinan 1914, Seksyen 2 (ii): *“Interest in any cave shall pass by inheritance only and shall not be*

⁶ Rekod ini dahulunya disebut sebagai “Buk Tersilo” atau “Buku Salasilo”. Ia mula dibuat pada tahun 1905 oleh Ketua Anak Negeri yang dilantik ketika itu. Buku ini mengandungi nama setiap gua, nama lot gua, tahun penggiliran menuai, nama tahun penggiliran, nama ahli waris, jenis sarang burung yang dipungut dan nama pemilik lubang gua. Daftar ini dibuat bertujuan untuk merekodkan nama ahli-ahli waris yang terlibat dengan lubang gua dan tahun penggiliran menuai sarang burung. Dengan itu, sekiranya berlaku kematian, maka nama anak si mati akan didaftarkan dalam buku tersebut sebagai pewaris yang akan mengambil bahagian si mati.

alienated”. Perkataan *inheritance* dalam undang-undang ini jelas merujuk kepada adat pewarisan etnik Idahan yang berdasarkan keturunan. Peruntukan tersebut dibuat sebagai menghormati adat atau masyarakat yang bersetuju untuk membayar cukai kepada pihak SBBUB.

Sementara itu, “Buku Daftar Sarang Burung Teluk Darvel” turut berperanan sebagai rekod rasmi (daftar nama ahli waris) yang menjadi rujukan sah dan legalistik bagi para waris dan pihak pentadbiran SBBUB. Ia bukanlah sekadar mengandungi daftar nama pewaris, bahkan mengenai tahun giliran menuai sarang burung yang merupakan amalan unik dalam adat pengagihan suku Idahan secara turun temurun. Menerusi Ordinan 1914, peraturan berkenaan dengan “Buku Daftar Sarang Burung Teluk Darvel” terkandung dalam Seksyen 9:

(2)The names of all persons entitled to participate in the profits of caves numbered 1 to 4 inclusive in the First schedule of the Ordinance, and known as the “ Darvel Bay Bird’s Nests Caves Register” shall be as enumerated in the Register and all entries made in such Register shall be deemed conclusive evidence of the right to and of the extent to which persons shall so participate and except as is provide in rule 3 no fresh claim shall be recognized and no name in such register be deleted without the sanction of The Yang DiPertua Negara whose authority shall in every case be quoted on the margin of such register.

(3)Whensoever the death of any person owning a share in any cave shall occur the names of the heirs of such person shall be noted in the blank pages provided at the end of such Register and a reference number placed against the name of the deceased and details of such alterations forthwith forwarded to the Resident for insertion in the duplicate Register.

Peraturan mengenai pendaftaran nama ahli waris kepada pewaris yang meninggal dunia jelas sekali menunjukkan penguatkuasaan adat pewarisan berdasarkan keturunan yang diamalkan oleh suku Idahan, di samping berperanan untuk melindungi hak pewaris terhadap pusaka sarang burung di gua-gua milik mereka. Oleh itu, apabila seseorang mendakwa dia merupakan seorang pewaris, maka beliau harus membuktikannya melalui jurai keturunannya. Jika seseorang itu berjaya membuktikan jurai keturunannya dan didapati sah pembuktiannya, seperti yang

tercatat dalam “Buku Daftar Sarang Burung Teluk Darvel”, justeru dengan serta merta beliau layak mendapat hak perwarisan sarang burung di gua-gua berkenaan. Jelas, peruntukan dan peraturan yang melibatkan gua-gua warisan etnik Idahan mempunyai hubung kait dengan undang-undang adat yang melibatkan pengagihan pusaka sarang burung yang telah diamalkan sejak turun temurun.

MADAI NAME OF CAVE		
Year of Collection	DECEASED	SUCCEEDED BY
1904 1908 1951	Pangeran Beranas	NWAI Indis
1913 1913 1975	Gileh	Mohamed Yea
	Pitou	Indis
	Rebush	Mendag
	Datoh Halimah	Mandag 1/5, Tagi 1/5, Mardu 1/5, Inon 1/5, Sapudin 1/5.
	Mohamed Yea	Ipat
	Pang. Saludin	Mandag 1/5, Mardu 1/5.
	Intan	Intan
	Wira	Papa bin Gabung
	Oranan	Mandag 1/5, Mardu 1/5, Mardu 1/5, Mardu 1/5.
	Maji Prah	Mandag 1/5, Mardu 1/5, Mardu 1/5, Mardu 1/5.
	Gingai	Gingai 1/5, Luong 1/5, Mardu 1/5, Mardu 1/5.
	Mot	Gampal 1/5, Mandag 1/5, Mardu 1/5, Mardu 1/5.
	Sikau	Tulung 1/5, Risen 1/5, Mungol 1/5.
1910 1910 1951	Bilal Ingai	Ingai
1914 1914 1974	Teepak	Dullon
	Anggai	Anggai
	Ingai	Ingai
	Paduka Rantau	Ingai 1/5, Mohamed 1/5, Gawah 1/5, Mard 1/5, Itai 1/5, opah 1/5.
	Tarak	Ingai 1/5, Pring Pring 1/5, Gaper 1/5.
	Manjanai	Patima Mina 1/5, Manip 1/5, Upah 1/5.
	Gawah	Mai
1911 1911 1959	Sokong	Dotor
1915 1915 1971	Danan	Mandag
	Iman Beegah	Patima Mina 1/5, Berulu 1/5, Manip 1/5.
	Dotor	Upah 1/5.
		Ingai 1/5, Inon 1/5, Mard 1/5.
1915 1915 1970	Teepak	Ingai
1915 1915 1970	Teepak	Ingai

Gambar 3: Butiran Pewaris Tercatat Dalam “Buku Daftar Sarang Burung Teluk Darvel”.

Apabila Jepun mula menakluk Borneo Utara dan bermulanya era pendudukan tentera imperial Jepun, semua aktiviti penuaian sarang burung telah terhenti (1940-1945). Namun begitu, pada tahun 1947, setelah kerajaan kolonial British menjajah Borneo Utara, etnik Idahan mulai menjalankan semula aktiviti penuaian sarang burung mengikut adat dan hak eksklusif mereka sendiri. Setelah Sabah merdeka dalam Persekutuan Malaysia, adat dan hak suku Idahan terhadap sarang burung masih

diteruskan. Namun begitu, timbul cabaran baharu dalam kalangan pewaris memandangkan generasi Idahan semakin berkembang dan bahagian yang mereka peroleh daripada aktiviti penuaian sarang burung semakin kecil. Natiyahnya, pewaris terpaksa menunggu tahun penggiliran menuai yang semakin panjang. Atas sebab itu, satu kaedah baharu telah diperkenalkan yang membolehkan pewaris menjual atau menyewakan bahagian bagi tahun giliran menuai sesebuah lot gua kepada orang lain – dalam kalangan etnik Idahan sendiri – yang sanggup membelinya pada kadar harga yang telah dipersepakati bersama (Piper, 1988).

Harga bahagian yang dijual dilakukan dengan berdasarkan saiz lot gua dan nilai kebiasaan sarang burung yang dikutip bagi musim tertentu. Pembeli akan diberikan hak untuk menuai sarang burung bersama keluarga penjual apabila tiba giliran menuai. Pihak yang menjual lot gua pula dikehendaki untuk menyediakan surat perjanjian. Menerusinya, dinyatakan dengan jelas dua aspek iaitu (i)persetujuan jual beli dan (ii)tahun penggiliran menuai sarang burung. Hal ini dilaksanakan untuk memudahkan kedua-dua pihak membuat rujukan apabila berlaku sebarang keraguan atau masalah (Temu bual dengan Onga Langadai, 2005).

Pada tahun 1995, berlaku pertambahan daripada dua musim kepada tiga musim menuai bagi setiap tahun. Musim *papas* bermula pada April sehingga Mei, manakala musim *penangoh* bermula pada Ogos sehingga September; dan tambahan musim disebut *ekor* atau *penanging* bermula pada November sehingga Disember. Pertambahan musim ini diperkenalkan atas sebab peningkatan harga sarang burung yang semakin tinggi di pasaran dunia (Mohamed Yusoff Ismail, 1985). Oleh itu, setiap keluarga mempunyai peluang keemasan untuk menuai sarang burung sebanyak tiga kali setahun dan dapat menikmati hasil tuaian dalam jangka masa yang lebih singkat berbanding sebelumnya. Ini merupakan kesan terpenting pemeliharaan adat dan hak eksklusif suku Idahan terhadap penuaian sarang burung yang dipertahankan secara konstruktif dan legalistik sekali gus memperlihatkan intelektualisme nenek moyang Idahan yang genius. Patah tumbuh hilang berganti.

Kesimpulan

Sehingga kini, pembahagian harta pusaka sarang burung dalam etnik Idahan masih mengekalkan amalan dan adat unik nenek moyang mereka. Hak pewarisan yang dibenarkan hanya diperturunkan melalui keturunan sahaja. Bagaimanapun, beberapa perubahan mengenai adat menuai telah dilaksanakan akibat peningkatan jumlah ahli waris hampir setiap tahun. Ini menunjukkan penetapan adat yang dirintisi oleh nenek moyang Idahan terdahulu turut mempunyai nilainya tersendiri dan masih bersesuaian dengan keadaan serta perubahan semasa. Apabila peraturan tersebut mendatangkan banyak masalah dan bersifat dinamik dalam arus perkembangan zaman, maka sudah tentulah amalan adat dan hak eksklusif ini perlu dilestarikan sebagai warisan nasional dan legasi sejarah yang sangat berharga. Sungguhpun masyarakat Idahan terkenal sebagai etnik peribumi yang pertama menerima ajaran Islam di negeri Sabah, namun pengaruh adat sangat kental dalam amalan pembahagian harta pusaka sarang burung. Ini ditambah lagi dengan penguatkuasaan Ordinan Sarang Burung 1914 yang diluluskan oleh SBBUB sembari memperkukuh pegangan mereka terhadap adat dinamik tersebut dewasa ini. Pengiktirafan SBBUB dan British terhadap adat dan hak eksklusif Idahan dapat dibuktikan menerusi *Buku Daftar Teluk Darvel*. Rekod rasmi ini memelihara dan menjamin hak setiap pewaris pusaka sarang burung menerusi jurai keturunan. Sejarah ialah neraca masa lalu dan cerminan masa depan.

Rujukan

Abdullah @ Alwi Hj Hassan. (1997). Adat Melayu di Malaysia Mengikut Perspektif Perundangan Islam Dalam *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.

Abdullah Siddik (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Buyong bin Adil. (1981). *Sejarah Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

British North Borneo Chartered Company Papers. 1 Oktober 1884. C.O. 874/237.

British North Borneo Chartered Company Papers. 27 Januari 1884. C.O. 874/236.

Fox, R. (1985). *Kinship and Marriage*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harisson, T. and Harisson. (1971). The Prehistory of Sabah. Dalam *Sabah Society Journal Monograph*, Vol. IV. Kota Kinabalu: Sabah Society.

Holly, S. (1955). The Origin of The Idahan People. *Sarawak Museum Journal*. Vol.VI.

Hooker, M.B. (1978). Adat Law In Modern Indonesia. Dalam *East Asian Historical Monograph*. London: Oxford University Press.

Mohamed Azam Mohamed Adil. (2000). Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa Di Malaysia. Kertas persidangan Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan. Kuala Lumpur.

Moody, D. Moody, M. (1990). "The Ida'an". Dalam G.L. Sherwood (ed.). *Social organization of Sabah Societies*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives Department.

Orolfo, P. (1961). Discovery of Bird's Nests Caves in North Borneo. *Sarawak Museum Journal*. Vol.X.

Othman Ishak. (1979). *Hubungan Antara Undang-undang Islam Dengan Undang-undang Adat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Piper, M. (1988). The Idahan. *Sabah Museum Monograph*, Vol.II.

Rutter, O. (1929). *The Pagans of North Borneo*. London: Hutchinson and Co. Ltd.

Roth, H.L. (1964). *The Natives of Sarawak ang British North Borneo*. Vol. II. Singapore: University of Malaya Press.

Seymour-Smith, C. (1986). *Macmillan Dictionary of Anthropology*. Macmillan Press Ltd.

Tan Bee Hong. (1995). *Nest of Goodness*. New Sunday Times (Sunday Style). 4 September 1995.

Tarling, N. (ed.) (1989). *A Decade in Borneo: Mrs Pryer In Sabah* (Diaries and Papers From The Late Nineteenth Century Paper). New Zealand: University of Auckland.

Tregonning, K.G. (1958). *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*. Singapore: University Malaya Press.

Trimingham, J.S. (1949). *Islam in the Sudan*. London: Oxford University Press.

Warren, J.F. (1971). *The North Borneo Chartered Company's Administration of The Bajau, 1878-190: The Pacification of a Maritime Nomadic People*. The Centre for International Studies. Athens: Ohio University.

Senarai Informan

Datu Sibi bin Datu Agaseh, Mantan Ketua Anak Negeri (1957-1981), Yang Dipertua PEWARIS (1995-1997), Pengerusi Majlis Adat Istiadat (2002- 2006), 11 Disember 2005.

Onga bin Langadai, Mantan Ketua Anak Negeri Lahad Datu (1980-1983) Mantan Ketua Daerah Lahad Datu (1984-2000), Timbalan Yang Dipertua PEWARIS (1995-1997), Timbalan Pengerusi Majlis Adat Istiadat Suku Kaum Idahan (2002-2006), 10 Disember 2005.